BH AHAD 8/6/25 pg 31 & 32





Tanpa warna, penuh cerita

Kekacauan genetik di sebalik keunikan haiwan albino

Oleh Nazdy Harun
bhrencana@bh.com.my

Sama ada dilihat unik atau kekacauan genetik, haiwan albino tetap mempunyai daya tarikan sendiri. Walaupun harga haiwan albino jauh lebih mahal dan menuntut jagaan rapi, malah kurang daya tahan selain matanya yang rabun dan tidak boleh terdedah lama di bawah sinar matahari, ia tetap mempunyai tarikan untuk dijadikan binatang peliharaan.

Mungkin bagi kebanyakan orang faktor fizikal haiwan albino yang putih, mata berwarna merah atau merah jambu selain hidung dengan tona warna kemerahan, menyerlahkan keunikan sekali gus meraih perhatian umum.

Ketua Eksekutif Operasi Zoo Rimba Razia, Mohd Azraf Datuk Zakaria, 39, berkata albino atau dalam konteks pemahaman lebih mudah, cacat atau berhadapan gangguan genetik, namun ia mempunyai nilai tersendiri terutama apabila dipamerkan di dalam zoo.

Landak albino yang berada di Zoo Rimba Razia (Foto Nazdy Harun/BH)



Permintaan keli albino bukan sahaja sebagai sumber makanan tetapi untuk hobi dan kajian saintifik.

Mohd Azraf berkata, Zoo Rimba Razia mempunyai 10 haiwan albino iaitu kera, raccoon, guenea pig (tikus belanda), skinny piq, iguana, kura-kura, bennett's wallaby, arnab, landak dan ular.

Katanya, semua haiwan itu yang boleh dikategorikan sebagai jarang ditemui, dibawa masuk dari Afrika Selatan, China, Thailand dan Australia.

"Cara menjaga, rawat dan pemakanan haiwan albino berbeza sama sekali dengan haiwan yang normal.

"Haiwan kategori albino mempunyai antibodi yang lemah berbanding haiwan normal selain tidak boleh terdedah dengan pancaran matahari dan sinar UV berlebihan.

"Jadi, ia perlu diberi perhatian lebih dalam penjagaannya," katanya.

Jangka hayat pendek

Mohd Azraf berkata, jangka hayat haiwan albino juga lebih pendek contohnya kalau haiwan biasa mampu hidup selama 10 tahun, namun haiwan albino hanya mampu bertahan dalam tempoh tujuh tahun sahaja, iaitu kurang 30 peratus daripada haiwan normal.

Tambahnya, penjagaan rapi perlu diberikan kepada haiwan albino. Hal ini disebabkan ciri-ciri genetik yang ada menjadikan haiwan itu lebih lebih sensitif terhadap persekitaran.

"Fizikal paling ketara mata merah jambu atau merah biji mata.. hidung merah.. kalau kura-kura pula cangkerang menjadi putih.

"Walaupun unik kerana haiwan albino semuanya putih dan bermata merah, namun haiwan itu sebenarnya rabun.

"Malah penjaga haiwan di sini ada kalanya dicakar haiwan berkenaan. Sebagai contoh, biasanya penjaga iguana albino sering berdepan situasi dicakar.

Lihat muka 32

Ikan keli albino bernilai tinggi

Secara umumnya, ikan keli warnanya hitam dan berlendir, namun bagaimana dengan ikan keli albino? Secara fizikalnya ia jauh lebih menarik kerana ia bukan saja cantik berwarna putih tetapi mempunyai nilai tersendiri dalam dunia akuakultur dan ikan hiasan.

Seperti kebanyakan haiwan albino lain, ikan keli albino ini terhasil daripada mutasi genetik yang menyebabkan ia kekurangan melanin. Justeru, pigmen yang memberi warna pada kulit, mata, dan bulu, mengalami perubahan. Ia menjadikan kulit berwarna putih atau kekuningan, manakala mata berwarna merah.

Walaupun nampak berbeza, ikan ini tetap lasak, cepat membesar dan mudah diternak seperti ikan keli biasa dan semakin mendapat perhatian dalam industri ikan hiasan dan ternakan.

Penyelidik di Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Nor Azman Kasan berkata, spesis ikan albino itu boleh dikategorikan sebagai kumpulan yang jarang ditemui khususnya di Terengganu.

"Ikan keli albino sering dianggap sebagai ikan yang jarang ditemui. Harganya juga tinggi di pasaran berbanding ikan keli biasa," katanya.

Menurutnya, ikan keli albino juga lebih mudah diperhatikan dalam air kerana warna badannya yang cerah, ini memberi kelebihan kepada penternak kerana lebih senang untuk memantau kesihatan ikan dan mengesan sebarang masalah seperti luka atau penyakit kulit.

Permintaan meningkat

Katanya, permintaan terhadap ikan keli albino semakin meningkat, bukan sahaja sebagai sumber makanan tetapi juga untuk hobi dan kajian saintifik.

Nor Azman berkata, pelbagai faktor yang menjadikan haiwan unik ini begitu mendapat perhatian kepada penggemarnya dan antara kelebihan yang terdapat pada ikan albino ini adalah disebabkan keunikan warna dan pertumbuhannya yang baik selain kumpulan albino ini sering dijual pada harga lebih mahal daripada ikan keli biasa.

"Selain itu, warna cerah dan mata merah menjadikannya pilihan eksotik bagi peminat ikan hiasan, ia juga menjadi daya tarikan utama dalam akuarium kerana warnanya yang kontras dengan persekitaran air dan tumbuhan akuatik," katanya.



Nor Azman (kanan) menunjukkan ikan keli albino yang diternak. (Foto ihsan UMT)

Dr Nor Azman berkata, oleh kerana kekurangan pigmen, organ dalaman ikan itu lebih mudah diperhatikan serta menjadikannya spesimen yang berguna dalam bidang penyelidikan.

Tambahnya, selain sebagai ikan hiasan, kajian ikan keli albino juga mendapat tempat dalam industri penternakan kerana kadar pertumbuhannya yang pantas dan kemampuannya bertahan dalam pelbagai keadaan persekitaran.

Sama seperti ikan keli biasa, ikan keli albino juga katanya mudah diternak dan dijaga namun tetap memiliki elemen penjagaan penting yang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan sebarang masalah.

Bagaimanapun, kumpulan albino ini tidak mempunyai perlindungan pigmen, yang menjadikan ikan ini lebih sensitif kepada cahaya terang.

Kurang pencahayaan elak tekanan

Justeru, jika dibela dalam akuarium, pastikan pencahayaan tidak terang bagi mengelakkan tekanan terhadap ikan.

"Dari sudut pemakanan pula, diet ikan keli albino ialah pelet ikan, cacing dan serangga kecil untuk memastikan kesihatan serta pertumbuhan yang baik.

"Diet yang kaya dengan protein dapat membantu pertumbuhannya menjadi lebih optimum.

"Ikan keli albino memerlukan suhu air yang stabil, sekitar 26 hingga 30 darjah selsius serta tahap pH antara 6.5 hingga 8.0, manakala perubahan mendadak dalam suhu atau pH boleh menyebabkan tekanan kepada ikan dan menjejaskan kesihatannya.

"Ikan keli albino bukan sekadar ikan keli biasa yang berwarna putih, sebaliknya memiliki nilai estetika, ekonomi dan saintifik yang tinggi," katanya.

Tambah Dr Nor Azman, sama ada untuk ternakan atau dijadikan ikan hiasan, ikan ini tetap menarik perhatian ramai, justeru dengan penjagaan yang betul, ia bukan sahaja menjadi pilihan menarik untuk akuarium, malah dapat menjadi sumber pendapatan lumayan bagi penternak.